

Sebanyak 517 kes buang bayi dilaporkan sejak enam tahun lalu

Tujuh lokasi popular dikenal pasti

KUALA LUMPUR – Polis semalam mendedahkan, sebanyak 517 bayi yang baru dilahirkan dibuang sejak 2005 hingga Januari tahun ini membabitkan tujuh lokasi popular.

Tujuh lokasi itu termasuk di kawasan perumahan dan tempat pembuangan sampah selain di tepi jalan, masjid, sungai, semak dan dalam tandas.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Da-

kami prihatin

tuk Seri Mohd. Bakri Zinin berkata, daripada jumlah itu, seramai 203 bayi lelaki, 164 bayi perempuan manakala 150 bayi pula yang tidak diketahui jantinya.

“Bagi kes tidak dikenal pasti jantina, keadaan ini berlaku apabila mayat tersebut reput dan bedah siasat tidak dapat dilakukan,” katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini semalam.

Beliau berkata, daripada 517 bayi itu, sebanyak 230 merupakan bayi yang hidup manakala 287 pula bayi yang telah meninggal dunia.

Mohd. Bakri berkata, seramai 37 suspek telah ditangkap sejak 2005 termasuk empat orang pada Januari ini berhubung kes pembuangan bayi.

Ujian DNA tidak dapat dilakukan kerana tiada sampel yang diperoleh daripada suspek untuk dibuat perbandingan

MOHD. BAKRI ZININ

Kata beliau, dalam tempoh yang sama, 18 kes telah dituduh di mahkamah dan sembilan daripada mereka telah dihukum.

Mohd. Bakri memberitahu, polis berdepan dengan keangan dalam menyiasat jenayah tersebut seperti kesukaran untuk mengesan suspek selain tiada bukti yang mencukupi kerana kebanyakan bayi



BAKRI ZININ



KEADAAN mayat bayi yang ditemui selepas dibuang ke dalam sungai. – Gambar hiasan

yang ditemui telah reput.

“Ujian DNA tidak dapat dilakukan kerana tiada sampel yang diperoleh daripada suspek untuk dibuat perbandingan,” katanya.

Justeru, polis mencadangkan kepada semua pihak yang terlibat dalam mencegah jenayah agar menekankan aspek pencegahan dan rawatan secara serentak.

Sementara itu, beliau berkata, pihaknya kini diberi tanggungjawab mengendalikan sistem amaran awal kehilangan kanak-kanak yang dikenali sebagai NUR Alert (National Urgent Response Alert) bagi mengesan dan menghebahkan kehilangan kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah.

Katanya, pihaknya diberi keper-

cayaan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam isu ini memandangkan siasatan dilakukan oleh polis turut meliputi pencarian bukti dan penyebaran maklumat.

“Oleh itu bagi polis, kita mengharapkan kerjasama daripada semua pihak dalam mengendalikan perkara itu,” katanya. – Bernama